


TEKS UCAPAN
YBRS. PROFESOR DR AHMAD TAUFEEK
ABDUL RAHMAN
REKTOR UİTM CAWANGAN SELANGOR

SEMPENA
PROGRAM EKSPLORASI RUKUN NEGARA

19 JANUARI 2025 | AHAD | 11.00 PAGI
DEWAN SERBAGUNA
KAMPUS PUNCAK ALAM

Terima kasih Pengacara Majlis



**ALHAMDULILLAH RABBI ALAMIN
WASOLATU WASALAMU ALA ASYRAFIL
ANBIYAI WAL MURSALIN WA ALA ALIHI
WASOHBIHI AJMAIN**

YBrs. Puan Hajjah Rohaida Abdul Kadir

Timbalan Pengarah

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
(JPNIN) Negeri Selangor

YBrs. Profesor Ir. Ts. Dr. Mohamad Hafiz Mamat

Timbalan Rektor Penyelidikan & Inovasi

YBrs. Dr Mohd Hafiz Mohd Hanafiah

Timbalan Rektor Bahagian Hubungan Industri,
Komuniti, Alumni dan Keusahawanan (iCARE)

Barisan Penasihat / Penyelaras SRN

1. Puan Hajjah Fatimah Sham (SRN UiTM Cawangan Selangor)
2. Dr Ng Ming Yip (SRN UniSEL)
3. Puan Nur Syamimi Ramlan (SRN Kolej Komuniti Sabak Bernam)
4. Encik Faridzul Adzli Mad Adim (SRN Politeknik Sabak Bernam)

Pegawai dan kakitangan Kementerian Perpaduan Negara

Barisan Presiden dan Ahli Jawatankuasa Sekretariat Rukun Negara

Tuan-tuan, puan-puan para hadirin, dan seterusnya mahasiswa mahasiswi yang dikasihi sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan
Salam UiTM di Hatiku.**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat-Nya, kita dapat bersama-sama berhimpun pada pagi ini bagi menjayakan **Program Eksplorasi Rukun Negara** yang bertemakan **“Meningkatkan Pemahaman dan Perpaduan Masyarakat Muda”**.
2. Terlebih dahulu, saya merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional (JPNIN) Negeri Selangor, barisan Penasihat / Penyelaras Sekretariat Rukun Negara, Negeri Selangor, Jawatankuasa Program serta semua yang terlibat dalam menjayakan program ini.

3. Saya difahamkan, program ini merupakan aspirasi Kementerian Perpaduan Negara dalam memupuk dan meningkatkan kesedaran golongan muda mengenai prinsip-prinsip Rukun Negara dan peranan pentingnya dalam membina masyarakat yang bertanggungjawab dan harmoni.
4. Saya melihat bahawa program ini adalah satu inisiatif yang sangat penting dalam usaha kita untuk memperkukuh semangat perpaduan, toleransi dan kesedaran sosial di kalangan golongan muda, khususnya mahasiswa.
5. Syabas saya ucapkan kepada Sekretariat Rukun Negara UiTM Cawangan Selangor kerana telah berupaya merealisasikan program ini melalui 3 aktiviti sepanjang bulan November 2024 hingga Januari 2025.

6. Saya amat berbangga kerana dimaklumkan pada hari ini yang merupakan acara kemuncak, telah berjaya mengumpulkan bukan sahaja mahasiswa daripada UiTM, tetapi juga daripada pelbagai IPTA dan IPTS di Negeri Selangor.

Hadirin yang dihormati sekalian,

7. Sebagaimana kita maklum, Rukun Negara adalah prinsip yang menjadi dasar kepada pembentukan negara kita, Malaysia.

8. Rukun Negara bukan sahaja sekadar ikrar, tetapi ia adalah panduan hidup yang memberikan landasan kepada masyarakat kita untuk hidup dalam suasana harmoni, bersepadu dan saling menghormati di antara satu sama lain.

9. Lima prinsip utama yang terkandung dalam Rukun Negara adalah asas kepada kehidupan

bernegara yang berteraskan perpaduan dan keharmonian.

10. Dalam konteks hari ini, kita melihat bahawa golongan muda memainkan peranan yang amat penting dalam memastikan prinsip-prinsip ini terus dihormati dan diterapkan dalam kehidupan seharian kita.

11. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab kita semua, terutama di kalangan pendidik dan mahasiswa, untuk terus menghayati dan menyebarkan nilai-nilai murni ini di dalam masyarakat kita.

12. Melalui penganjuran program ini dan aktiviti yang dijalankan, saya percaya kita dapat lebih mendekatkan diri dengan warisan bangsa dan mengeratkan hubungan antara kita semua.

13. Saya berharap agar program ini bukan sahaja memberikan kesedaran yang mendalam mengenai Rukun Negara, tetapi juga memberi motivasi kepada kita untuk terus berusaha memperkukuh perpaduan dalam kalangan masyarakat kita.

14. Marilah kita jadikan setiap aktiviti ini sebagai wadah untuk menggalakkan cinta kepada negara, menjaga institusi Raja, dan menjadi warganegara yang bertanggungjawab serta berdaya saing.

15. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah menjayakan program ini.

16. Saya berharap agar setiap peserta beroleh manfaat daripada aktiviti-aktiviti yang telah disediakan.

Bunga harum bunga melati,
Tumbuh subur di tepi jerami,
Rukun Negara padu dihati,
Perpaduan erat negara harmoni.

**Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah
Wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.**